

TIDAK mudah putus asa

» Bagi Encik Seelan Paul zaman persekolahannya adalah masa **kanak-kanak yang tidak boleh diganti** walau dengan apa-apa nilai sekalipun



BIODATA

Sathiaseelan Paul Thurai

- Tarikh Lahir: 7 Ogos 1974
- Umur: 40 tahun
- Sekolah: SK Methodist Nibong Tebal, SMK Methodist Nibong Tebal
- Universiti: Universiti Putra Malaysia(UPM)/ Program Sains Sukan
- Asal: Pulau Pinang
- Jawatan: Ketua Pegawai Operasi Radio dan Televisyen Media Prima Berhad

Oleh Arina Azlan
upen@bh.com.my

Shah Alam

Saya datang dari keluarga yang kurang berada, pernah tinggal sebilik dengan enam orang ahli keluarga di dalam sebuah rumah bersama-sama satu keluarga lain," kata Ketua Pegawai Operasi Radio dan Televisyen Media Prima, Encik Seelan Paul, 40, pada awal bicara.

Mengimbas kembali, beliau berkata zaman persekolahannya memang susah.

"Pekerjaan ayah yang ketika itu tidak memberikan hasil yang lumayan dan terpaksa menanggung kami enam beranak.

"Saya masih ingat lagi, ada suatu masa kami tiga adik-beradik terdiri dari

pada saya dan tiga orang kakak terpaksa bergilir-gilir memakai pakaian seragam sekolah kerana bapa tidak mampu membeli lebih dari pada satu," katanya ketika ditemui MINDA.

Mengakui seorang yang playful ketika zaman remajanya, pemuda yang memegang nama penuh Encik Sathiaseelan Paul Thurai ini sangat aktif bersukan dan pernah mengimpikan untuk menjadi pemain bola sepak profesional.

Aktif bersukan

"Saya tidak menyerlah sangat dalam akademik dan boleh dikatakan kebanyakan masa saya diha-

HARGAILAH ZAMAN PERSEKOLAHAN ANDA KERANA KEHIDUPANINI TIDAK AKAN BERULANG"

TRIVIA

- Seelan Paul bermula sebagai juruhebah radio kumpulan pertama Radio Era FM pada tahun 1998
- Beliau ialah pengasas radio HOT FM yang memulakan siaran pada tahun 2006
- Anak bongsu daripada tiga beradik dan merupakan satu-satunya anak lelaki dalam keluarga
- Sepatutnya menjadi seorang guru sebelum menyertai industri hiburan
- Suka mengajar dan berasakan waktu ketika menjalani latihan praktikal di Sekolah Kebangsaan Jalan Reko, Kajang merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.



Gambar-gambar kenangan
Encik Seelan.



biskan di padang, trek larian kerana saya suka berada di luar kelas.

"Satu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan iaitu ketika berusia 16 tahun dan saya terpilih untuk mewakili daerah dalam acara larian, namun saya tidak memiliki kasut yang sesuai untuk larian atas trek. Bapa saya dari awal lagi telah berpesan bahawa dia tidak mempunyai wang lebih untuk membelikan spike atau kasut lari untuk saya.

"Ketika itu, Cikgu Teoh Boon Chai dengan rela hati memberikan sepasang kasut kepada saya untuk pertandingan itu dan saya berjaya mara hingga ke peringkat negeri dengan hadiah daripada guru saya itu," kata Seelan lagi.

Zaman persekolahan

Beliau berkata, walaupun pada zaman persekolahannya beliau kurang fokus tentang peluang pelajaran tetapi beliau sangat bersyukur kerana dikelilingi oleh rakan-rakan yang sentiasa mengambil berat tentang dirinya.

"Perkara paling lucu adalah ketika saya berada di Tingkatan Enam, saya langsung tidak terfikir untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti. Saya rasa bahawa saya tidak akan diterima untuk masuk ke universiti."

"Saya beruntung apabila seorang rakan saya, Cik Chuoh Pin telah menolong saya mengisi borang ke universiti dan menguruskan semua hal-hal borang dan sijil permohonan yang diperlukan. Tahu-tahu saja, saya sudah mendapat tempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Pen-

didikan Jasmani," menurutnya lagi.

Beliau yang sepatutnya menjadi seorang guru setelah menamatkan pengajian, menolak tawaran tersebut sebelum memasuk iké dalam industri hiburan dengan menjadi antara deejay terawal Radio Era FM.

"Saya masih suka mengajar, sekarang dengan jawatan yang saya pegang, saya masih memegang konsep yang sama seperti guru iaitu membimbing mereka di bawah pengurusan saya," jelasnya lagi.

Encik Seelan mengakui zaman persekolahannya di Sekolah Kebangsaan (SK) Methodist Nibong Tebal dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist Nibong Tebal, Pulau Pinang adalah masa kanak-kanak yang tidak boleh diganti walaupun dengan apa-apa nilai sekalipun.

"Saya sangat bertuah untuk melalui zaman remaja yang dipenuhi dengan mereka yang telah membantu mengharungi hidup sehingga saya berjaya sekarang. Saya memanggil mereka semua insan istimewa, walaupun ramai yang sudah tidak berhubung tetapi saya akan kenang mereka hingga akhir hayat saya."

"Kepada murid-murid di bangku sekolah, hargailah zaman persekolahan anda kerana kehidupan ini tidak akan berulang dan menjadi sebahagian penting daripada diri kamu pada masa hadapan. Jangan mudah putus asa, pesan saya ialah sentiasa ingat, tidak kira bagaimana kamu bermula tetapi yang penting adalah bagaimana kamu menamatkannya," kata Encik Seelan mengakhiri perbualan.